

**NO. SOALAN: 131**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[PARIT]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10402**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian dalam membanteras sindiket perjudian yang beroperasi secara dalam talian (online).**

92

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan secara berterusan untuk menangani kegiatan perjudian haram di dalam negara. PDRM turut memantau *modus operandi* baharu yang digunakan sindiket untuk mencari pelanggan dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook, WeChat, WhatsApp, Short Message Service (SMS)* atau berselindung di sebalik Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang sah atau membuka pusat perjudian haram di kawasan perumahan dan juga kondominium.

Antara langkah yang diambil untuk membendung aktiviti perjudian atas talian adalah seperti berikut:-

- i) pada 21 September 2017, Ops Dadu Khas telah dilancarkan melibatkan sejumlah 196 pasukan di seluruh negara termasuk Cawangan Kongsi Gelap, Perjudian dan Maksiat (D7) dan Pasukan Khas STAGG Bukit Aman. Langkah ini diambil atas arahan YDH Ketua Polis Negara yang telah mengisytiharkan perang secara habis-habisan terhadap aktiviti perjudian haram;
- ii) mengambil tindakan alternatif terhadap penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) jika tiada keterangan yang kukuh untuk didakwa di

**Mahkamah. Statistik tindakan yang diambil di bawah POCA di seluruh negara adalah 57 orang pada tahun 2015, 39 orang pada tahun 2016 dan 16 orang sehingga September 2017;**

- iii) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menutup atau menyekat semua laman sesawang yang berunsurkan perjudian dari luar negara. Statistik sekatan terhadap laman sesawang perjudian adalah sebanyak 321 pada tahun 2015, 12 pada tahun 2016 dan 182 sehingga September 2017;**
- iv) bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak berkuasa air negeri untuk mengambil tindakan pemotongan bekalan air dan elektrik terhadap premis yang mengulangi kesalahan yang sama di bawah peruntukan Seksyen 21A Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Statistik pemotongan bekalan air dan elektrik terhadap premis perjudian sehingga September 2017 adalah sebanyak 396 unit premis;**
- v) bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membatalkan lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang disalahgunakan menjadi tempat perjudian serta mengurangkan kelulusan lesen PHK untuk masa hadapan; dan**
- vi) PDRM telah mengkaji dan telah mengenalpasti provisi-provisi Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) yang perlu dipinda ke Jabatan Peguam Negara dan**

94

**Kementerian yang bertanggungjawab terhadap Akta berkenaan.**

**PDRM sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini. Namun demikian, usaha dan tindakan yang diambil oleh polis tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini serta menghakis perasaan untuk mendapatkan keuntungan dengan cara mudah tanpa berusaha yang akhirnya membawa kemudaratan kepada mereka sendiri. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.**

## SOALAN ( 132 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]

## SOALAN :-

YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah peranan serta fungsi pasukan petugas khas yang ditubuhkan oleh Kementerian dalam menyiasat dakwaan penipuan pembinaan rumah mampu milik.

96  
Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Bagi Menyasat Skim Tawaran Perumahan Mampu Milik telah ditubuhkan dengan dianggotai oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

**FUNGSI JAWATANKUASA:-**

- i. menyiasat skim-skim tawaran pembinaan rumah mampu milik oleh syarikat-syarikat swasta;
- ii. menyelesaikan permasalahan yang berbangkit susulan daripada aduan orang awam mengenai tawaran pembinaan rumah mampu milik;
- iii. mengenal pasti langkah-langkah penyelesaian berhubung isu ini.

iv. Jawatankuasa ini boleh mengesyorkan dan melaksanakan cadangan penyelesaian, pencegahan dan penambahbaikan antaranya:-

- **Prosiding Jenayah:**

- Peruntukan-Peruntukan Kanun Keseksaan (Seksyen 420 dan 403);
- Akta Pencegahan Jenayah (*Prevention of Crime*) 1959;
- Akta Penggubalan Wang Haram 2001 (*Anti Money Laundering Act 2001*).

- **Prosiding Sivil:**

Tuntutan ganti rugi boleh dibuat sekiranya pembeli menfailkan tuntutan mereka di mahkamah sivil.

v. **Syarat Tambahan Kelulusan Lesen Pemajuan Dan  
Permit Iklan Jualan (Apdl)**

Syarat tambahan bagi kelulusan Permit Iklan dan Jualan melalui media massa (radio, televisyen dan dalam bentuk siar raya (*broadcast*) perlu diluluskan oleh Pengawal Perumahan dan diwajibkan untuk memasukkan kenyataan **“IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA”**.

vi. **Tindakan Membantu Pembeli Teraniaya**

Bagi membantu orang awam yang telah teraniaya, JPN menawarkan dua (2) skim perumahan, tertakluk kepada kelayakan, iaitu :

- i) Skim Pinjaman Perumahan (SPP) bagi mereka yang memiliki tanah sendiri;
- ii) Program Perumahan Rakyat (PPR) secara kaedah *Rent To Own* (RTO) kepada mereka yang berada di kawasan bandar dan di dalam kawasan majlis perbandaran.

vii. Satu pekililing khas telah dikeluarkan oleh JPN pada 6 Oktober 2017 sebagai panduan kepada pengamal-pengamal media sebelum membenarkan sebarang penyiaran promosi dan penjualan produk perumahan dari syarikat-syarikat berkaitan perumahan. Hanya promosi yang tulen dan tidak mempunyai unsur-unsur penipuan boleh disiarkan kepada masyarakat umum.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017